

**Anwar, Azmin Dikehendaki Hadir Ke Mahkamah Esok Berhubung Perhimpunan 28 April**  
**Bernama**  
**21 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Azmin Ali dikehendaki hadir ke Mahkamah Majistret, Jalan Duta di sini esok bagi menjawab tuduhan berhubung perhimpunan di Dataran Merdeka 28 April lepas.

Turut dikehendaki hadir di mahkamah yang sama pada pukul 9 pagi esok ialah Ketua Cabang PKR Rembau Badrul Hisham Shaharin.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Mohamad Salleh berkata polis telah menyempurnakan saman terhadap mereka berhubung perkara itu.

"Kehadiran mereka di mahkamah itu adalah untuk menjawab tuduhan terhadap kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 4 (2) (c) Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736) iaitu menganjur atau menyertai suatu protes jalanan," katanya dalam kenyataan di sini, Isnin.

Beliau berkata mereka juga dikehendaki menjawab tuduhan terhadap kesalahan mengikut Seksyen 188 Kanun Keseksaan iaitu mengingkari perintah yang diisytiharkan oleh penjawat awam.

Perhimpunan anjuran badan bukan kerajaan (NGO) yang disokong pembangkang itu telah mencetuskan keganasan dan huru hara selain menyebabkan kerugian.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667615>